

05 FEB 2001

Umno-PAS

UMNO DAN PAS BERJUMPA KHAMIS UNTUK SEDIA PERBINCANGAN PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan rakan sejawatannya dari PAS Nasharuddin Mat Isa akan bertemu Khamis ini bagi membuat persediaan asas mengenai cadangan perbincangan perpaduan Melayu di kalangan pemimpin kedua-dua parti.

Bagaimanapun, tempat pertemuan mereka yang bertujuan mengemaskini format dan agenda perjumpaan antara presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan presiden PAS Datuk Fadzil Noor, belum ditetapkan, kata setiausaha akhbar Menteri Penerangan Zukri Valenteo kepada Bernama hari ini.

"Tan Sri Khalil akan mengetuai pasukan empat anggota ke mesyuarat itu," kata Zukri.

Zukri berkata Khalil telah memaklumkan kepada beliau bahawa Dr Mahathir "berkemungkinan besar mengumumkan nama tiga anggota lain dalam pasukan Umno, esok".

Menurutnya Khalil mencadangkan kepada Nasharuddin melalui sepucuk surat supaya mereka bertemu pada Khamis dan setiausaha agung PAS itu bersetuju mengenainya dalam satu perbualan telefon antara mereka hari ini.

Sabtu lepas, Fadzil berkata parti itu komited sepenuhnya untuk meneruskan perbincangan mengenai perpaduan Melayu dengan Umno.

Fadzil menyuarakan harapan bahawa hasil pertemuan itu akan membawa manfaat kepada rakyat dan negara.

Pada 13 Jan lepas, Nasharuddin dipetik sebagai berkata bahawa PAS telah menerima sepucuk surat daripada Dr Mahathir menjemput parti itu untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai perpaduan Melayu dan PAS telah membalas dan bersetuju untuk menyertainya.

Nasharuddin berkata bahawa beliau akan berbincang mengenai agenda cadangan perbincangan itu bersama Khalil dan Nasharuddin kemudiannya akan merujuk hasil perbincangan itu dengan jawatankuasa Syura PAS untuk membuat keputusan.

PAS telah menegaskan bahawa perbincangan itu patut menyentuh mengenai perpaduan nasional dan bukan perpaduan Melayu dan Umno berkata ia tiada masalah.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang turut dijemput oleh Dr Mahathir untuk mengambil bahagian dalam perbincangan itu, menolak tawaran itu kerana mendakwa ia bukan parti berasaskan Melayu.

-- BERNAMA

ES ES LAT RON